

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[NIBONG TEBAL]**

**NO. SOALAN : 47**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status kemajuan pelaksanaan Program Latihan Sijil Tadbir Urus Desa (STUD) bagi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung Persekutuan (JKKKP) serta impak pelaksanaan program ini.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak tujuh (7) siri Program Sijil Tadbir Urus Desa telah dilaksanakan kepada 4,129 JKKK/JKKKP/JKKK Orang Asli dari seluruh negara. Pelaksanaan dibuat mengikut zon iaitu Zon Selatan & Tengah (negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor), Zon Utara (Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis), Zon Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan), Zon Sabah & Labuan (negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan) dan Zon Sarawak (seluruh negeri Sarawak). Peserta program terdiri daripada Pengerusi, Setiausaha dan Ahli JKKK/JKKKP/JKKK Orang Asli. Program akan diteruskan pada tahun 2018 bagi memastikan kesemua JKKK/JKKKP/JKKK Orang Asli yang belum mengikuti program ini, dapat menghadirinya.

Impak program ini dapat melahirkan kepimpinan desa yang profesional dan kompeten dalam mentadbir urus desa dan komuniti. Peningkatan ilmu

dan kemahiran yang diperoleh dapat diadaptasi untuk membantu menjayakan program transformasi luar bandar dan akhirnya memacu kemajuan dan ekonomi desa ke tahap lebih tinggi.